



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **070303 (Peralatan & Kelengkapan Pertanian)** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:-

NO. TENDER	TAJUK BEKALAN	TAKLIMAT TAPAK (KEHADIRAN DIWAJIBKAN)	TARIKH/ WAKTU TUTUP/ PEJABAT YANG MENGELUARKAN TENDER
7.0-09/2016	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN RANGSANGAN LATEKS BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB SEMENANJUNG MALAYSIA	<p>30.12.2015 (Rabu)</p> <p>Waktu Pendaftaran : 9.30 pagi - 10.30 pagi</p> <p>» Hanya penama di dalam Sijil MOF sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama hendaklah membawa Sijil Asal MOF serta Kad Pengenalan;</p> <p>» Pembekal yang lewat tidak akan dibenar menyertai tender.</p> <p>Waktu Taklimat : 11.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Hevea 2, Tingkat 1, Ibu Pejabat RISDA, KM 7.5, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur. 03-42564022</p>	<p>20.01.2016 (Rabu)</p> <p>Jam : 12.00 Tengahari</p> <p>Urusetia : Unit Perolehan, Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, KM 7.5, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.</p>

SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL :

- Untuk pembelian dokumen, hanya **penama** di dalam Sijil MOF sahaja yang boleh membeli dokumen dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama wajib **membawa Slip Kehadiran Tapak dan Sijil Asal MOF** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **serta SATU (1) salinan sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender. *PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.*
- Dokumen Tender berharga RM53.00 senaskah (termasuk GST).** Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai /Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "**KETUA PENGARAH RISDA**". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- Dokumen-dokumen **Tawaran Tender Teknikal** dan **Tawaran Tender Kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan** serta dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti dinyatakan di atas.
- RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA" (AKTA 694)

JOB NUMBER : S-10227-RISDA-NA
MEDIA : UTUSAN MALAYSIA
SIZE : 27cm x 5col(16.2cm)
D.OJ : 18 Disember 2015

Client's Approval (Company Stamp and Sign)